

Panduan Pengguna Untuk Nokia N2610

PENGISYTIHARAN KEPATUHAN

NOKIA COPORATION, dengan ini mengisytiharkan bahawa produk RH-86 ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan Arahan 1995/5/EC yang lain.

Satu salinan Pengisytiharan Kepatuhan ini boleh didapatkan di http://www.nokia.com/phones/declaration_of_conformity/.

CE 0434

Hak cipta © 2006 Nokia. Semua hak terpelihara.

Mengeluarkan semula, memindahkan, mengedarkan atau menyimpan sebahagian atau kesemua kandungan dokumen ini dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

Nokia, Nokia Connecting People, dan Xpress-on adalah cap dagangan atau cap dagangan berdaftar Nokia Corporation. Nama-nama produk dan syarikat lain yang disebut di sini mungkin adalah cap dagangan atau nama dagangan pemilik mereka masing-masing.

Nokia tune adalah cap bunyi Nokia Corporation.

No. Paten Amerika Syarikat 5818437 dan paten-paten lain yang menunggu kelulusan. Perisian input teks T9 Hak cipta © 1997-2006. Tegic Communications, Inc. Semua hak terpelihara.



Termasuk kriptografik RSA BSAFE atau perisian protokol keselamatan atau daripada RSA Security.



Java adalah cap dagang Sun Microsystems, Inc.

Nokia mengamalkan dasar pengembangan yang berterusan. Nokia berhak membuat perubahan dan perbaikan kepada apa-apa produk yang diperihalkan di dalam dokumen ini tanpa pemberitahuan terdahulu.

Nokia tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kehilangan data atau pendapatan atau apa-apa kerugian khas, secara kebetulan, berakibat atau secara tidak langsung tanpa mengira cara ia disebabkan.

Kandungan dokumen ini diberikan "sebagaimana sedia ada". Kecuali seperti mana dituntut oleh undang-undang yang berkaitan, tiada jaminan dalam ada jua bentuk, yang nyata atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan termaklum bagi kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu, dibuat berkaitan dengan ketepatan, kebolehppercayaan atau kandungan dokumen ini. Nokia berhak menyemak atau menarik balik dokumen ini pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terdahulu. Ketersediaan produk-produk tertentu mungkin berbeza-beza mengikut wilayah. Sila semak dengan penjual Nokia yang terdekat dengan anda.

Peranti ini mungkin mengandungi komoditi, teknologi atau perisian yang tertakluk pada undang-undang dan peraturan eksport dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lencongan yang bertentangan dengan undang-undang adalah dilarang.

Keluaran 1

Kandungan

Untuk keselamatan anda	v
------------------------------	---

Maklumat am.....	x
Kod akses.....	x
Maklumat sokongan dan hubungan Nokia.....	xi

1. Memulakan	1
Memasang kad SIM dan bateri	1
Mengecas bateri.....	3
Kedudukan beroperasi biasa	4

2. Telefon anda	5
Kekunci dan bahagian-bahagian	5
Mod siap sedia	6
Mod demo	7
Kunci pad kekunci.....	7

3. Fungsi-fungsi panggilan	9
Membuat dan menjawab panggilan.....	9
Pembesar suara.....	9

4. Menulis teks.....	10
5. Fungsi menu	12
Mesej.....	12
Kenalan.....	19
Log	20
Tetapan.....	22
Menu operator.....	27
Galeri.....	28
Media	28
Pengatur.....	29
Aplikasi	32
Web	33
Perkhidmatan SIM.....	37

6. Maklumat bateri	38
Mengecas dan menyahcas.....	38
Garis panduan pengesahan bateri Nokia.....	40

7. Tambahan Tulen.....	44
Kuasa.....	45
Audio	48

Penjagaan dan penyelenggaraan	49
Maklumat keselamatan tambahan	51
Indeks	60

Untuk keselamatan anda

Baca garis panduan mudah ini. Tidak mematuhi mungkin berbahaya atau menyalahi undang-undang. Baca panduan pengguna lengkap ini untuk maklumat lanjut.



HIDUPKAN DENGAN SELAMAT

Jangan hidupkan telefon apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.



UTAMAKAN KESELAMATAN DI JALAN RAYA

Patuhi semua undang-undang tempatan. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Perkara pertama yang harus anda pertimbangkan semasa memandu hendaklah keselamatan jalan raya.



GANGGUAN

Semua telefon wayarles boleh menyebabkan gangguan, yang mungkin boleh menjejaskan prestasinya.



MATIKAN DI HOSPITAL

Patuhi sebarang sekatan. Matikan telefon apabila berdekatan dengan peralatan perubatan.



MATIKAN DI DALAM KAPAL TERBANG

Patuhi sebarang sekatan. Peranti-peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.



MATIKAN APABILA MENGISI BAHAN BAKAR

Jangan gunakan telefon ini di tempat mengisi minyak. Jangan gunakan berdekatan bahan bakar atau bahan kimia.



MATIKAN DEKAT KAWASAN PELETUPAN

Patuhi sebarang sekatan. Jangan gunakan telefon di tempat semasa letupan sedang dijalankan.



GUNAKAN DENGAN BIJAK

Gunakan hanya dengan gaya biasa seperti yang diterangkan di dalam pendokumenan produk. Jangan sentuh antena jika tidak perlu.



KHIDMAT BERKELAYAKAN

Hanya kakitangan berkelayakan untuk memasang atau membaiki produk ini.



PENAMBAHAN DAN BATERI

Gunakan hanya penambahan dan bateri yang diluluskan. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



KETAHANAN AIR

Telefon anda tidak tahan air. Pastikan ia sentiasa kering.



SALINAN SANDARAN

Ingat untuk membuat salinan-salinan sandaran atau menyimpan rekod untuk semua maklumat penting yang disimpan di dalam telefon anda.



MENYAMBUNG KEPADA PERANTI LAIN

Apabila menyambung dengan sebarang peranti lain, baca panduan penggunaanya untuk arahan-arahan keselamatan terperinci. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



PANGGILAN KECEMASAN

Pastikan telefon dihidupkan dan boleh digunakan. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan kembali ke skrin permulaan. Masukkan nombor kecemasan, kemudian tekan kekunci panggil. Berikan lokasi anda. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

■ Perihal peranti anda

Peranti wayarles yang diperihalkan di dalam panduan ini diluluskan untuk digunakan pada rangkaian GSM900 dan GSM1800. Hubungi pembekal perkhidmatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai rangkaian.

Apabila menggunakan ciri-ciri di dalam peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati privasi dan hak-hak sah orang lain.



Amaran: Untuk menggunakan sebarang ciri di dalam peranti ini, selain daripada jam penggera, peranti ini mestilah dihidupkan. Jangan hidupkan peranti ini apabila penggunaan wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

■ Perkhidmatan Rangkaian

Untuk menggunakan telefon ini anda mestilah mempunyai perkhidmatan daripada pembekal perkhidmatan wayarles. Banyak ciri di dalam peranti ini bergantung kepada ciri-ciri dalam rangkaian wayarles untuk berfungsi. Perkhidmatan rangkaian ini mungkin tidak dapat diperolehi pada kesemua rangkaian atau anda mungkin perlu membuat persiapan tertentu dengan pembekal khidmat anda sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan rangkaian ini. Pembekal khidmat

viii Hak cipta © 2006 Nokia. Semua hak terpelihara.

anda mungkin perlu memberi anda arahan-arahan tambahan bagi penggunaannya dan menerangkan bayaran yang mungkin dikenakan. Sesetengah rangkaian mungkin mempunyai had yang menjejaskan cara anda menggunakan perkhidmatan rangkaian. Contohnya, sesetengah rangkaian mungkin tidak menyokong semua aksara dan perkhidmatan yang bergantung kepada bahasa.

Pembekal khidmat anda mungkin telah meminta agar ciri-ciri tertentu dilumpuhkan atau tidak diaktifkan di dalam peranti anda. Jika demikian, ia tidak akan muncul pada menu peranti anda. Peranti anda mungkin juga telah ditatarajah secara khusus. Tatarajah ini mungkin termasuk perubahan dalam nama-nama menu, susunan menu dan ikon-ikon. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Peranti ini menyokong protokol WAP 2.0 (HTTP dan SSL) yang berjalan pada protokol TCP/IP. Beberapa ciri peranti ini, seperti mesej teks, mesej multimedia dan muat turun kandungan dan aplikasi memerlukan sokongan rangkaian untuk teknologi-teknologi ini.

Maklumat am

■ Kod akses

Kod keselamatan ini yang dibekalkan dengan telefon melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Kod yang dipratetap ialah 12345.

Kod PIN ini yang dibekalkan dengan kad SIM, melindungi kad daripada digunakan tanpa izin. Kod PIN2 ini dibekalkan dengan sesetengah kad SIM, diperlukan untuk mengakses perkhidmatan tertentu. Jika anda memasukkan kod PIN atau PIN2 yang salah sebanyak tiga kali berturut-turut, anda diminta memasukkan kod PUK atau PUK2. Jika anda tidak mempunyai kod-kod tersebut, hubungi pembekal khidmat tempatan anda.

PIN modul diperlukan untuk mengakses maklumat di dalam modul keselamatan kad SIM anda. PIN tandatangan mungkin diperlukan untuk tandatangan digital. Kata laluan sekatan diperlukan apabila menggunakan *Khidmat sekat panggilan*.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Keselamatan* untuk menetapkan cara telefon anda menggunakan kod akses dan tetapan keselamatan.

■ Maklumat sokongan dan hubungan Nokia

Untuk mendapatkan versi terkini panduan ini, muat turun, perkhidmatan dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan produk Nokia anda, sila lawati www.nokia-asia.com/N2610/support atau tapak web Nokia tempatan anda. Anda boleh juga memuat turun tetapan tatarajah percuma seperti MMS, GPRS, e-mel, dan perkhidmatan lain untuk model telefon anda di www.nokia-asia.com/phonesettings.

Sekiranya anda masih perlukan bantuan, sila rujuk kepada www.nokia-asia.com/contactus.

Untuk menyemak lokasi pusat jagaan Nokia terdekat untuk mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan, anda boleh melawati www.nokia-asia.com/repair.

1. Memulakan

■ Memasang kad SIM dan bateri

Jauhkan semua kad SIM dari capaian kanak-kanak kecil.

Untuk ketersediaan dan maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan kad SIM, hubungi pembekal kad SIM anda. Ini boleh jadi pembekal perkhidmatan, operator rangkaian, atau penjual lain.

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.




Nota: Sentiasa matikan kuasa dan cabut pengecas dan sebarang peranti lain sebelum menanggalkan penutup-penutup. Elakkan daripada menyentuh komponen elektronik semasa menukar penutup. Sentiasa simpan dan gunakan peranti dengan penutupnya dipasang.

1. Tekan dan luncurkan penutup belakang menghala ke bawah telefon untuk menanggalkan penutup(1).
2. Keluarkan bateri dengan mengangkatnya seperti yang ditunjukkan (2).
3. Dengan berhati-hati, angkat pemegang kad SIM dari genggam jari telefon, dan buka penutup selak (3).

Memulakan

4. Masukkan kad SIM, agar sudut serongnya di sebelah kanan atas dan sesentuh berwarna keemasan menghadap ke bawah (4). Tutup pemegang kad SIM, dan tekan kad tersebut untuk menguncinya ke dalam tempatnya (5)
5. Masukkan bateri ke dalam slot bateri (6).
6. Sejajarkan penutup belakang dengan bahagian belakang telefon, dan luncurkannya ke atas. Tolak penutup belakang hingga ke bahagian atas telefon untuk menguncinya (7).



■ Mengecap bateri



Amaran: Gunakan hanya bateri, pengecas, dan penambahan yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan khususnya dengan model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis yang lain boleh mentaksahkan apa-apa kelulusan atau jaminan, dan mungkin berbahaya.


Periksa nombor model dari sebarang pengecas sebelum menggunakannya dengan peranti ini. Peranti ini bertujuan untuk digunakan apabila dibekalkan dengan kuasa daripada pengecas ACP-7, ACP-12 atau AC-2. Peranti ini seharusnya menggunakan bateri BL-5C. Untuk mengetahui sama ada anda boleh mendapatkan tambahan yang diluluskan, sila tanya wakil penjual telefon anda.

1. Sambungkan pengecas ke soket dinding ac.
2. Sambungkan pengecas pada telefon.



■ Kedudukan beroperasi biasa

Peranti anda mempunyai antenna dalaman.




Nota: Seperti sebarang peranti pemancar radio lain, jangan sentuh antenna jika tidak perlu apabila Sambungkan. Menyentuh antenna akan menjejaskan mutu panggilan dan boleh menyebabkan peranti beroperasi pada aras kuasa lebih tinggi daripada yang diperlukan. Mengelakkan daripada menyentuh bahagian antenna semasa mengendalikan peranti ini menghasilkan prestasi optimum antenna dan hayat bateri.

2. Telefon anda

■ Kekunci dan bahagian-bahagian


Nota: Jenis pad kekunci mungkin berbeza mengikut pasaran yang berlainan.

- Alat cuping telinga (1)
- Pembesar suara (2)
- Kekunci pilihan (3)
- Kekunci navigasi (kekunci total) (4)
- Kekunci panggil (5), tekan kekunci panggil sekali untuk mengakses nombor yang baru didail
- Kekunci tamat dan kekunci kuasa (6), tekan dengan lama untuk menghidupkan atau mematikan telefon, apabila ditekan sebentar akan menamatkan panggilan aktif, atau keluar dari sebarang fungsi.
- Penyambung pengecas (7)



- Penyambung alat dengar (8)

Nota: Jangan sentuh penyambung ini kerana ia bertujuan untuk digunakan oleh kakitangan servis yang dibenarkan sahaja.



Amaran: Kekunci tatal dalam peranti ini mungkin mengandungi nikel. Ia bukan dimaksudkan untuk bersentuhan untuk tempoh yang panjang dengan kulit. Pendedahan yang berterusan terhadap nikel pada kulit boleh menyebabkan alergi pada nikel.

■ Mod siap sedia


Apabila telefon sedia digunakan, sebelum anda memasukkan sebarang aksara, telefon berada dalam mod siap sedia.

Nama rangkaian atau logo operator (1)

Kekuatan isyarat rangkaian (2)

Paras pengecasan bateri (3)

Kekunci pilihan kiri adalah **Pergi ke** (4) untuk anda melihat fungsi dalam senarai



pintasan peribadi anda. Pilih **Pilihan** > *Pilih pilihan* untuk melihat senarai fungsi yang sedia ada, membolehkan anda tambah dalam senarai pilihan. Pilih fungsi *Susun* > **Pindah** dan lokasi untuk menyusun semula fungsi senarai pintasan anda.

Menu (5) dan **Audio** (6)

■ Mod demo

Anda boleh memulakan telefon tanpa kad SIM dengan menerima *Mulakan telefon tanpa kad SIM?* dan gunakan ciri telefon yang tidak memerlukan kad SIM.

■ Kunci pad kekunci

Pilih **Menu** > * dengan cepat untuk mengunci atau membuka kunci pad kekunci untuk mengelakkan kekunci daripada ditekan dengan tidak sengaja. Untuk menjawab panggilan semasa kawal kekunci sedang aktif, tekan kekunci panggil. Apabila anda menamatkan atau menolak panggilan, pad kekunci mengunci kekal terkunci.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan telefon* > *Kawal kekunci automatik* > *Aktif* untuk menetapkan pad kekunci agar mengunci secara automatik selepas masa lengah yang dipratetapkan apabila telefon berada dalam mod siap sedia dan tiada fungsi telefon telah digunakan.

Apabila kunci pad kekunci sedang aktif, panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda.

3. Fungsi-fungsi panggilan

■ Membuat dan menjawab panggilan

Untuk membuat panggilan, masukkan nombor telefon termasuk kod kawasan jika perlu. Kod negara hendaklah disertakan, jika perlu. Tekan kekunci panggil untuk memanggil nombor. Tatal ke sebelah kanan untuk menambah atau tatal ke sebelah kiri untuk mengurangkan kelantangan cuping telinga (telefon) atau alat dengar semasa panggilan telefon.

Untuk menjawab panggilan masuk, tekan kekunci panggil. Untuk menolak panggilan tanpa menjawab, tekan kekunci tamat.

■ Pembesar suara

Jika tersedia, anda boleh memilih **P/suara** atau **Normal** untuk menggunakan pembesar suara atau alat cuping telinga telefon semasa dalam panggilan.



Amaran: Jangan memegang peranti ini pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

4. Menulis teks

Anda boleh memasukkan teks dalam input teks  ramalan dan teks tradisional . Untuk menggunakan input teks tradisional, tekan kekuncinya berulang kali sehingga hurufnya muncul. Untuk menghidupkan input teks ramalan semasa menulis, pilih **Pilihan > Teks ramalan**; untuk mematikannya, pilih **Pilihan > Ramalan mati**.

Semasa menggunakan input teks ramalan untuk memasukkan perkataan yang dikehendaki, tekan setiap kekunci sekali, jika perkataan yang dipaparkan adalah perkataan yang dikehendaki, tekan 0, dan mula menulis perkataan yang seterusnya. Jika anda mahu menukar perkataannya, tekan * berkali-kali sehingga perkataan yang anda mahu muncul. Jika ? dipaparkan selepas perkataannya, perkataan itu tidak ada di dalam kamus. Untuk menambah perkataan kepada kamus, tekan **Mengeja**, masukkan perkataan (dengan menggunakan input teks tradisional) dan pilih **Simpan**.

Petua untuk menulis teks: untuk menambah ruang, tekan 0. Untuk menukar dengan cepat cara input teks, tekan # berkali-kali dan semak penunjuk di bahagian atas paparan. Untuk menambah nombor, tekan dan tahan kekunci nombor yang diinginkan. Untuk memperoleh senarai aksara khas apabila menggunakan input teks tradisional, tekan *; apabila menggunakan input teks ramal, tekan dan tahan *.

5. Fungsi menu

Fungsi-fungsi telefon dikelompokkan ke dalam menu. Bukan semua fungsi menu atau item pilihan dijelaskan di sini.

Dalam mod siap sedia, pilih **Menu** dan menu yang diinginkan dan submenu. Pilih **Keluar** atau **Balik** untuk keluar dari peringkat menu semasa. Tekan kekunci tamat untuk kembali terus ke mod siap sedia. Untuk menukar paparan menu, pilih **Pilihan** > *P/menu utama* > *Senarai* atau *Grid*.

■ Mesej



Perkhidmatan atau mesej hanya boleh digunakan jika disokong oleh rangkaian atau pembekal perkhidmatan anda.

Tetapan untuk mesej teks dan multimedia

Pilih **Menu** > **Mesej** > *Tetapan mesej* > *Mesej teks* > *Pusat mesej*. Kad SIM anda menyokong lebih daripada satu pusat mesej, pilih atau tambah satu yang anda gunakan, anda mungkin perlu mendapat nombor pusat itu daripada pembekal khidmat anda.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Tetapan mesej* > *Multimedia*, dan tetapan yang berikut:

Saiz imej (multimedia), anda boleh tentukan saiz imej semasa anda memasukkan imej ke dalam mesej multimedia.

Benarkan terima multimedia, select *Tidak*, *Ya*, atau *Dalam rang. rumah* to use the multimedia service.

Tetapan tatarajah, pilih pembekal khidmat lalai untuk mengambil mesej multimedia. Tatal ke *Akaun* untuk melihat akaun yang disediakan oleh pembekal khidmat dan memilih akaun yang anda hendak gunakan. Anda boleh menerima tetapan-tetapan sebagai mesej tatarajah dari pembekal perkhidmatan.

Benarkan iklan, untuk memilih sama ada anda membenarkan penerimaan mesej yang ditakrif sebagai iklan. Tetapan ini tidak ditunjukkan jika *Benarkan terima multimedia* ditetap ke *Tidak*.

Mesej teks (rangkaian perkhidmatan)

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej teks*.

Dengan menggunakan perkhidmatan mesej ringkas (SMS) anda boleh menghantar dan menerima mesej berbilang bahagian, yang terdiri daripada beberapa mesej teks biasa. Invois boleh berdasarkan pada bilangan mesej biasa yang diperlukan untuk mesej berbilang bahagian.

Ambil perhatian bahawa menggunakan aksara khas (Unikod) memerlukan lebih banyak ruang.

✉ yang berkelip menandakan memori mesej telah penuh. Sebelum anda boleh menerima mesej baru, padam beberapa mesej lama anda.

Mesej multimedia (MMS) (perkhidmatan rangkaian)

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej multimedia*.



Nota: Hanya peranti-peranti yang mempunyai ciri-ciri yang serasi boleh menerima dan memaparkan mesej multimedia. Kemunculan mesej boleh berbeza-beza bergantung kepada peranti yang menerima.

Rangkaian wayarles mungkin menghadkan saiz mesej MMS. Jika gambar yang dimasukkan melebihi had ini, peranti mungkin mengecilkannya agar ia dapat dihantar melalui MMS.

Satu mesej multimedia boleh mengandungi teks, bunyi, dan satu gambar.

Anda tidak boleh menerima sebarang mesej multimedia jika anda mempunyai panggilan yang sedang berlangsung, atau permainan atau aplikasi Java lain yang sedang berjalan. Oleh kerana penghantaran mesej multimedia boleh gagal atas

pelbagai sebab, jangan bergantung semata-mata kepada mesej ini untuk komunikasi penting.

Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik, termasuk nada deringan, dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai, dipindahkan atau diteruskan.

Telefon anda menyokong penghantaran dan penerimaan mesej multimedia yang mengandungi beberapa halaman (slaid). Untuk memasukkan slaid ke dalam mesej, pilih **Pilihan** > *Masukkan* > *Slaid*. Untuk menetapkan jarak waktu antara slaid, pilih *Pemasaan slaid*.

 Apabila anda mempunyai mesej multimedia baru yang menunggu dan memori untuk mesej telah penuh, berkelip dan *Memori penuh. Gagal menerima mesej*. dipaparkan. Untuk menerima mesej, pilih **OK** > **Ya** dan folder untuk memadam mesej lama.

Mesej flash (perkhidmatan rangkaian)

Mesej flash adalah mesej teks yang dipaparkan dengan segera.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej flash*.



Nota: Hanya peranti yang menawarkan ciri mesej flash yang serasi sahaja yang boleh menerima dan memaparkan mesej flash berkelip.

Mesej audio

Anda boleh menggunakan perkhidmatan mesej multimedia untuk membuat dan menghantar mesej suara . Perkhidmatan mesej multimedia mesti diaktifkan sebelum anda menggunakan mesej audio.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Buat mesej* > *Mesej audio*. Perakam terbuka. Apabila anda selesai merakam mesej audio masukkan nombor telefon penerima dalam medan *Kepada:* untuk menghantar mesej. Untuk melihat pilihan yang tersedia, pilih **Pilihan**. Untuk mengambil nombor telefon dari *Kenalan*, pilih **Tambah** > *Kenalan*.

Apabila telefon anda menerima mesej audio, *1 mesej audio diterima* atau bilangan mesej dan teks *mesej diterima* dipaparkan. Untuk membuka mesej, pilih **Main**; atau jika lebih daripada satu mesej diterima, pilih **Tunjuk** > **Main**. Untuk mendengar mesej kemudian, pilih **Keluar**. Pilih **Pilihan** untuk melihat pilihan yang tersedia. Mesej audio dimainkan melalui alat cuping telinga secara lalai, pilih **Pilihan** > *Pembesar suara* untuk memilih pembesar suara untuk memainkannya jika anda mahu.

Mesej suara

Peti mel suara adalah perkhidmatan rangkaian dan anda mungkin perlu melangganinya. Hubungi pembekal perkhidmatann anda untuk mendapatkan nombor peti mel suara dan maklumat terperinci.

Pilih **Menu** > *Mesej* > *Mesej suara*.

Aplikasi e-mel

Aplikasi e-mel (perkhidmatan rangkaian) membolehkan anda mengakses akaun e-mel serasi dari telefon anda. Sebelum anda boleh menghantar dan mengambil apa-apa e-mel, anda mungkin perlu diteruskan akaun dan tetapan e-mel yang diperlukan. Anda boleh menerima tetapan-tetapan tatarajah e-mel sebagai mesej tatarajah.

Untuk menulis dan menghantar e-mel, pilih **Menu** > *Mesej* > *E-mel* > *Tulis e-mel baru*. Jika lebih daripada satu akaun e-mel ditentukan, pilih akaun yang anda hendak gunakan untuk menghantar e-mel. Untuk melampirkan fail pada e-mel, pilih **Pilihan** > *Lampirkan fail* fail dan fail dalam *Galeri*. Apabila anda selesai memasukkan mesej e-mel, pilih **Hantar** > *Hantar sekarang* sekarang.

F u n g s i m e n u

Untuk memuat turun mesej e-mel yang dihantar kepada anda, pilih **Menu > Mesej > E-mel > Semak e-mel baru** dan akaun yang anda kehendaki, hanya tajuk e-mel akan dimuat turun dahulu. Untuk memuat turun seluruh mesej e-mel, pilih **Balik > Peti Masuk** dan akaun yang anda kehendaki, pilih mesej baru dan **Ambl sml**.



Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej e-mel mungkin mengandungi perisian yang berbahaya atau jika tidak ia mungkin boleh merosakkan peranti atau PC anda.

Telefon anda menyimpan e-mel yang telah anda muat turun dari akaun e-mel anda di dalam folder **Peti masuk**. Folder lain mungkin adalah: **Draf** untuk menyimpan e-mel yang belum siap, **Arkib** untuk mengatur atau menyimpan e-mel, **Peti keluar** untuk menyimpan e-mel yang belum dihantar, dan **Item dihantar** untuk menyimpan e-mel yang telah dihantar. Untuk menguruskan folder dan kandungan e-melnya, pilih Pilihan untuk melihat pilihan yang tersedia bagi setiap folder.

■ Kenalan



Anda boleh menyimpan nama dan nombor telefon di dalam memori telefon dan di dalam kad memori SIM. Memori telefon boleh menyimpan kenalan-kenalan dengan nombor dan item teks. Nama dan nombor yang disimpan di dalam memori kad SIM, ditandakan dengan .

Untuk mencari kenalan, pilih **Menu** > *Kenalan* > *Nama* > *Pilihan* > *Cari*. Tatal seluruh senarai kenalan atau masukkan huruf pertama nama yang sedang anda cari. Untuk mencari kenalan, pilih **Menu** > *Kenalan* > *Nama* > *Pilihan* > *Tambah kenalan br*. Untuk menambah lebih banyak butiran kepada kenalan, sila pastikan bahawa memori yang digunakan adalah sama ada *Telefon* atau *Telefon dan SIM*. Tatal ke nama yang ingin anda tambahkan dengan nombor atau item teks baru, dan pilih **Butiran** > *Pilihan* > *Tambah butiran*. Untuk menyalin kenalan, pilih *Pilihan* > *Salin kenalan*. Anda boleh menyalin nama dan nombor telefon antara memori kenalan telefon dan memori kad SIM. Memori kad SIM boleh menyimpan nama dengan satu nombor telefon dilampirkan padanya. Untuk memberi nombor pada kekunci dailan cepat, pilih **Menu** > *Kenalan* > *Dail cepat*, dan tatal ke nombor dailan cepat nombor yang anda kehendaki.

Fungsi menu

Anda boleh menghantar dan menerima maklumat kenalan seseorang dari peranti yang serasi yang menyokong piawai vCard sebagai kad niaga. Untuk menghantar kad niaga, cari kenalan yang maklumatnya ingin anda hantar, dan pilih **Pilihan** > **Hantar kad niaga** > **Melalui multimedia** atau **Melalui mesej teks**. Apabila anda menerima kad niaga, pilih **Tunjuk** > **Simpan** untuk menyimpan kad niaga di dalam memori telefon. Untuk membuang kad niaga, pilih **Keluar** > **Ya**.

Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Tetapan** untuk menetapkan yang berikut untuk kenalan: **Memori digunakan** untuk memilih memori kad SIM atau memori telefon bagi kenalan-kenalan anda. Untuk memanggil semula nama dan nombor dari kedua-dua memori, pilih **Telefon dan SIM**. Untuk memilih bagaimana nama dan nombor di dalam kenalan dipaparkan, pilih **Pameran kenalan**. Untuk melihat muatan memori yang bebas dan yang digunakan, pilih **Taraf memori**.

■ Log

Telefon mendaftarkan nombor-nombor panggilan yang tak dijawab, diterima, dan yang didail, dan anggaran tempoh panggilan-panggilan anda (perkhidmatan rangkaian).



Rangkaian mesti menyokong fungsi ini, dan telefon tersebut mestilah dihidupkan dan berada di dalam kawasan perkhidmatan rangkaian.

Pilih **Menu** > **Log** > *Tempoh panggilan, Pembilang data paket, atau Pemasa sambungan data paket* untuk maklumat anggaran mengenai komunikasi terbaru anda.



Nota: Invois sebenar untuk panggilan dan perkhidmatan dari pembekal perkhidmatan anda mungkin berbeza-beza jumlahnya, bergantung kepada ciri-ciri rangkaian, pembulatan jumlah bil, cukai dan sebagainya.

Pilih **Menu** > **Log** dan senarai yang sesuai: *Panggilan tak dijawab* memaparkan senarai nombor telefon daripada pemanggil yang telah mencuba untuk menghubungi anda dan bilangan panggilan daripada pemanggil tersebut, *Panggilan dijawab* memaparkan senarai panggilan yang terbaru diterima atau ditolak, *Nombor yang sudah didail* memaparkan senarai panggilan yang terbaru dibuat.

Kosongkan senarai log memadam senarai panggilan terbaru. Anda tidak boleh buat asal operasi ini.

Anda boleh melihat tarikh dan masa panggilan, mengedit atau memadam nombor telefon dari senarai, menyimpan nombor tersebut dalam *Kenalan*, atau menghantar mesej ke nombor tersebut.

■ Tetapan

Anda boleh melaraskan pelbagai tetapan telefon dalam menu ini. Untuk menetapkan semula sesetengah tetapan menu ke nilai asalnya, pilih **Menu** > *Tetapan* > *S'pan s'mla ttpn kilang*.



Tetapan nada

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Nada*, dan ubah mana-mana pilihan yang tersedia. Telefon anda menyokong nada dering format MP3, anda boleh juga menetapkan rakaman anda sebagai nada dering.

Pilih *Isyarat untuk* untuk menetapkan telefon supaya berdering untuk sekumpulan pemanggil yang dipilih sahaja. Tatal ke kumpulan pemanggil yang anda mahu pilih atau pilih *Semua pang.* > *Tanda*.

Pintasan saya

Dengan pintasan peribadi anda boleh mendapatkan fungsi-fungsi telefon yang kerap digunakan dengan cepat.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Pintasan saya* > *Kekunci pilihan kanan* untuk menguntukan satu fungsi telefon pada kekunci pilihan kanan.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Pintasan saya* > *Kekunci navigasi* untuk memilih fungsi pintasan untuk kekunci navigasi. Tatal ke kekunci navigasi yang diinginkan, pilih **Tukar** dan satu fungsi dari senarai. Untuk membuang fungsi pintasan dari kekunci, pilih *(kosong)*. Untuk memberi semula fungsi bagi kekunci, pilih **Berikan**.

Tetapan panggilan dan telefon

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Panggilan* dan satu daripada pilihan-pilihan:

Alih panggilan (perkhidmatan rangkaian) untuk mengalihkan panggilan masuk anda. Untuk butiran, hubungi pembekal perkhidmatan anda

Dail semula automatik > *Aktif* untuk membuat sepuluh percubaan untuk menyambungkan panggilan selepas satu percubaan memanggil yang gagal.

F u n g s i m e n u

Khidmat panggilan menanti > *Aktifkan* supaya rangkaian akan memberitahu anda tentang panggilan masuk semasa anda sedang melayani panggilan lain (perkhidmatan rangkaian).

Hantar identiti pemanggil saya (perkhidmatan rangkaian) > *Tetapan rang. Ya* atau *Tidak*.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Telefon* > *Tetapan bahasa* > *Bahasa telefon* untuk menetapkan bahasa paparan telefon anda. Jika anda pilih *Automatik* telefon akan memilih bahasa menurut maklumat pada kad SIM.

Tetapan paparan, tarikh dan masa

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Paparan* > *Penjimatan kuasa* > *Aktif* untuk menjimatkan sedikit kuasa bateri. Jam digital dipaparkan apabila tiada fungsi telefon digunakan buat jangka masa tertentu.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Masa dan tarikh*. Tatal ke *Jam* untuk memilih untuk menunjukkan jam dalam mod siap sedia, melaraskan jam, dan memilih zon dan format masa. Tatal ke *Tarikh* untuk menunjukkan tarikh dalam mod siap sedia, menetap tarikh, dan memilih format tarikh dan pemisah tarikh. Tatal ke *Kemas kini auto tarikh dan masa* (perkhidmatan rangkaian) bagi menetapkan telefon agar mengemas kini masa dan tarikh secara automatik mengikut zon masa semasa.

Kesambungan – sambungan GPRS

Perkhidmatan Radio Paket Umum (GPRS) (perkhidmatan rangkaian) ialah pembawa data yang membolehkan akses wayarles kepada rangkaian data seperti Internet. Aplikasi-aplikasi yang boleh menggunakan GPRS ialah MMS, semak imbas, dan muat turun aplikasi Java.

Sebelum anda boleh menggunakan teknologi GPRS, hubungi operator rangkaian atau pembekal perkhidmatan anda untuk ketersediaan dan langganan perkhidmatan GPRS. Simpan tetapan GPRS bagi setiap aplikasi yang digunakan melalui GPRS. Untuk maklumat mengenai harga, hubungi operator rangkaian atau pembekal perkhidmatan anda.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Kesambungan* > *Data paket* > *Sambungan data paket*. Pilih *Sentiasa bertalian* untuk menetapkan telefon agar mendaftar secara automatik kepada rangkaian GPRS apabila anda menghidupkan telefon. Pilih *Apabila diperlukan*, dan pendaftaran dan sambungan GPRS diwujudkan apabila aplikasi yang menggunakan GPRS memerlukannya dan ditutup apabila anda menamatkan aplikasi.

Tetapan tambahan

Item tambahan mudah alih yang serasi dipaparkan hanya jika telefon sedang atau telah bersambung dengannya.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tetapan tambahan* dan tambahan yang tersedia. Jika tersedia, contohnya, sebaik saja anda menyambung alat dengar dengan telefon, anda boleh memilih *Jawapan automatik* untuk menetapkan telefon supaya menjawab panggilan masuk secara automatik. Jika *Isyarat panggilan masuk* ditetap ke *Bip sekali* atau *Tak aktif*, jawapan automatik tidak akan digunakan.

Tetapan tatarajah

Sesetengah perkhidmatan rangkaian perlu mempunyai tetapan-tetapan tatarajah yang betul pada telefon anda. Dapatkan tetapan-tetapan dari kad SIM anda, daripada pembekal perkhidmatan sebagai mesej tatarajah, atau masukkan tetapan peribadi anda secara manual.

Pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tatarajah* dan yang berikut: *Tetapan tatarajah lalai* untuk melihat senarai pembekal perkhidmatan yang disimpan di dalam telefon (pembekal perkhidmatan lalai diserlahkan) dan untuk memilih pembekal perkhidmatan lain sebagai lalai. Tatal ke pembekal dan pilih **Butiran** untuk melihat

senarai dengan aplikasi yang disokong; *Aktifkan lalai dlm semua aplikasi* untuk menetapkan aplikasi agar menggunakan tetapan daripada pembekal khidmat lalai; *Pusat akses diutamakan* untuk memilih pusat akses yang lain, biasanya anda hendaklah menggunakan pusat akses dari operator rangkaian yang diutamakan; *S'bung ke bantuan p'bkal khidmat* untuk memuat turun tetapan tatarajah daripada pembekal khidmat anda.

Untuk memasukkan, melihat, dan mengedit tetapan secara manual, pilih **Menu** > *Tetapan* > *Tatarajah* > *Tetapan tatarajah peribadi*.

■ Menu operator

Menu ini membolehkan anda mengakses satu portal kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh operator rangkaian anda. Menu ini adalah khusus operator. Nama dan ikon bergantung kepada operator. Operator boleh mengemas kini menu ini dengan satu mesej khidmat. Untuk maklumat lanjut, hubungi operator rangkaian anda.

■ Galeri

Di dalam menu ini, anda boleh mengurus tema, grafik, rakaman, dan nada. Fail-fail ini disusun dalam folder.



Telefon anda menyokong sistem pengurusan hak digital (DRM) untuk melindungi kandungan yang diperolehi. Sentiasa periksa syarat-syarat penghantaran sebarang kandungan dan kunci pengaktifan sebelum memperolehnya, kerana ia mungkin dikenakan bayaran.

Pilih **Menu** > *Galeri, Tema, Grafik, Nada, Fail muzik, Rakaman* dan *Fail diterima* adalah folder yang asli.

■ Media

Perakam suara

Anda boleh merakam cebisan pertuturan, bunyi, atau panggilan aktif. Ini berguna untuk merakamkan nama dan nombor telefon untuk dituliskan kemudian. Perakam tidak boleh digunakan apabila panggilan data atau sambungan GPRS sedang aktif.



Pilih **Menu** > **Media** > **Perakam** > **Perakam suara** untuk mula merakam. Untuk mula merakam semasa panggilan, pilih **Pilihan** > **Rakam**. Semasa anda merakam panggilan, pegang telefon di kedudukan biasa berdekatan dengan telinga anda. Rakaman disimpan di dalam **Galeri** > **Rakaman**. Untuk mendengar rakaman terbaru, pilih **Pilihan** > **Main rakam t'akhir**. Untuk menghantar rakaman terakhir dengan menggunakan mesej multimedia, pilih **Pilihan** > **Hntr rakam t'akhir**.

■ Pengatur



Jam penggera dan kalendar

Anda boleh menetapkan telefon supaya membunyikan penggera pada masa yang diinginkan. Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Jam penggera**, tatal ke **Waktu penggera** untuk menetapkan masa untuk penggera. Tatal ke **Ulangi penggera** untuk menetapkan telefon agar memberi isyarat kepada anda pada hari yang dipilih dalam minggu tersebut dan **Nada penggera** untuk memilih atau memperibadikan nada penggera. Untuk menetapkan tamat masa untuk isyarat tunda, pilih **Tamat masa tunda** dan masanya.

F u n g s i m e n u

Telefon akan membunyikan nada isyarat, dan memancarkan **Penggera!** dan waktu semasa di paparan, walaupun ketika telefon dimatikan. Pilih **Henti** untuk menghentikan penggera. Jika anda membiarkan telefon terus membunyikan penggera selama satu minit atau memilih **Tunda**, penggera berhenti selama kira-kira 10 minit kemudian berbunyi lagi.

Jika tiba masa penggera semasa peranti ini dimatikan, peranti ini akan dihidupkan dengan sendirinya dan mula membunyikan nada penggera. Jika anda memilih **Henti**, peranti ini akan bertanya sama ada anda ingin mengaktifkan peranti ini untuk panggilan. Pilih **Tidak** untuk mematikan peranti ini atau **Ya** untuk membuat dan menerima panggilan. Jangan pilih **Ya** apabila penggunaan telefon wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Kalendar**, hari semasa yang ditandakan dengan bingkai. Jika terdapat sebarang nota yang ditetapkan untuk hari itu, hari tersebut ditebalkan. Untuk melihat notanya, pilih **Pamer**. Untuk memadam semua nota dalam kalendar, pilih bulan, dan **Pilihan** > **Pdm semua nota**. Pilihan lain boleh terdiri daripada membuat, memadam, mengedit, memindahkan, atau menyalin nota ke hari lain, menghantar nota terus ke kalendar telefon yang serasi, sebagai mesej teks atau mesej multimedia.

Kalkulator

Kalkulator di dalam telefon anda menambah, menolak, mendarab, membahagi, mengira kuasa dua dan punca kuasa dua, dan menukar nilai-nilai mata wang.



Nota: Kalkulator ini mempunyai ketepatan yang terhad dan direka bentuk untuk pengiraan yang mudah.

Pilih **Menu** > *Pengatur* > *Kalkulator*. Apabila 0 dipaparkan di skrin, masukkan nombor pertama dalam pengiraan. Tekan # untuk titik perpuluhan. Pilih **Pilihan** > *Tambah, Tolak, Darab, Bahagi, Kuasa dua, Punca kuasa 2*, atau *Tukar tanda*. Masukkan nombor kedua. Untuk mendapatkan jawapan, pilih **Hasil**. Untuk memulakan pengiraan baru, mula-mula tekan dan tahan **Padam**.

Untuk menjalankan penukaran mata wang, pilih **Menu** > *Pengatur* > *Kalkulator*. Untuk menyimpan kadar tukaran, pilih **Pilihan** > *Kadar pertukaran*. Pilih salah satu daripada pilihan-pilihan yang dipaparkan. Masukkan kadar tukaran, tekan # untuk titik perpuluhan, dan pilih **OK**. Untuk membuat penukaran mata wang, masukkan jumlah yang hendak ditukar, dan pilih **Pilihan** > *Dalam tempatan* atau *Dalam asing*.



Nota: Apabila anda menukar mata wang asas, anda mestilah memasukkan kadar baru pertukaran kerana semua kadar pertukaran yang ditetapkan sebelumnya dikosongkan.

Aplikasi



Perisian telefon anda mungkin dimasukkan dengan beberapa permainan dan aplikasi Java yang khusus direka untuk telefon Nokia ini.

Untuk melihat jumlah memori yang terdapat bagi pemasangan permainan dan aplikasi, pilih **Menu** > *Aplikasi* > *Pilihan* > *Status memori*. Untuk melancarkan permainan atau aplikasi, pilih **Menu** > *Aplikasi* > *Permainan*, atau *Kutipan*. Tatal ke permainan atau aplikasi dan pilih **Buka**. Untuk memuat turun permainan atau aplikasi, pilih **Menu** > *Aplikasi* > *Pilihan* > *Muat turun* > *M/turun mainan* atau *M/turun aplikasi*. Telefon anda menyokong aplikasi Java J2ME™. Pastikan bahawa aplikasi itu serasi dengan telefon anda sebelum memuat turun ia.



Penting: Hanya pasang aplikasi dari sumber-sumber yang menawarkan perlindungan yang mencukupi terhadap perisian yang boleh merosakkan.

Sila ambil perhatian bahawa apabila aplikasi dimuat turun, aplikasi itu mungkin disimpan di dalam menu *Permainan* dan bukan di dalam menu *Aplikasi*.

■ Web



Anda boleh mengakses pelbagai perkhidmatan Internet bergerak dengan penyemak imbas telefon anda. Pastikan ketersediaan perkhidmatan-perkhidmatan ini, harga, dan tarif dengan operator rangkaian atau pembekal perkhidmatan anda.



Penting: Gunakan hanya perkhidmatan yang anda percayai dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

Sambungan perkhidmatan dan menyemak imbas halaman perkhidmatan

Pastikan tetapan perkhidmatan disimpan dan diaktifkan

Membuat sambungan kepada perkhidmatan, buka halaman permulaan, contohnya, halaman utama pembekal khidmat **Menu** > **Web** > **Rumah**, atau tekan mod siap sedia dan pegang 0. Anda boleh memilih penanda buku **Menu** > **Web** > **Penanda buku**. Jika penanda buku tidak berfungsi dengan tetapan-tetapan perkhidmatan yang sedang aktif, aktifkan satu lagi kumpulan tetapan perkhidmatan dan cuba lagi. Anda boleh juga memilih

URL yang terakhir **Menu** > *Web* > *Almt web akhir*, atau memasukkan alamat perkhidmatan dengan memilih **Menu** > *Web* > *Pergi ke alamat* dan pilih **OK**.

Untuk berhenti menyemak imbas dan untuk menamatkan sambungan, pilih **Pilihan** > *Henti*. Sebagai alternatif, tekan kekunci tamat dua kali, atau tekan dan tahan kekunci tamat.

Selepas anda menyambung kepada perkhidmatan, anda boleh menyemak imbas halaman-halamannya. Fungsi kekunci-kekunci telefon boleh berubah-ubah dalam perkhidmatan yang berlainan. Ikut panduan teks pada paparan telefon.

Sila ambil perhatian bahawa jika GPRS dipilih sebagai pembawa data, penunjuk  ditunjukkan di sebelah kiri atas paparan semasa menyemak imbas. Jika anda menerima panggilan atau mesej teks, atau membuat panggilan semasa sambungan GPRS, penunjuk  akan ditunjukkan di sebelah kiri atas paparan untuk menandakan bahawa sambungan GPRS digantung (ditahan). Selepas panggilan, telefon cuba menyambung semula sambungan GPRS.

Semasa anda menyemak imbas, pilihan seperti *Rumah* dan *Penanda buku* mungkin tersedia. Pembekal perkhidmatan mungkin menawarkan pilihan tambahan.

Peranti ini mungkin mempunyai beberapa penanda buku yang telah dimuatkan untuk laman-laman yang bukan anggota gabungan Nokia. Nokia tidak menjamin atau menyokong laman-laman ini. Jika anda memilih untuk mengaksesnya, anda harus mengambil langkah-langkah berjaga-jaga yang sama, untuk keselamatan atau kandungan, seperti yang anda ambil untuk sebarang laman Internet lain.

Tetapan kemunculan penyemak imbas

Dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > **Web** > **Tetapan** > **Tetapan kemunculan**. Pilih **Susunan teks** > **Aktif** untuk membolehkan teks untuk teruskan ke baris lain. Jika anda memilih **Tak aktif**, teks akan disingkatkan. Pilih **Tunjukkan imej** > **Tidak**, dan mana-mana gambar yang muncul pada halaman tidak akan dipaparkan. Pilih **Isyarat** > **Isyarat untuk samb. tak terjamin** > **Ya** untuk menetapkan telefon untuk memberi isyarat apabila sambungan terjamin berubah menjadi tidak terjamin semasa menyemak imbas. Pilih **Isyarat untuk item tak terjamin** > **Ya** untuk menetapkan telefon supaya mengisyarat apabila halaman terjamin mengandungi item yang tak dijamin. Isyarat-isyarat ini tidak menjamin sambungan yang terjamin. Pilih **Pengekodan aksara** untuk memilih kumpulan aksara yang digunakan untuk menunjukkan halaman penyemak imbas yang

tidak merangkumi maklumat atau pilih sama ada untuk sentiasa menggunakan pengekodan UTF-8 apabila menghantar alamat Web ke telefon yang serasi.

Kuki dan memori cache

Kuki ialah data yang disimpan oleh sesuatu laman di dalam memori cache penyemak imbas telefon anda. Data ini boleh jadi maklumat pengguna anda atau pilihan semak imbas anda. Kuki disimpan sehingga anda memadam memori cache. Dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > **Web** > **Tetapan** > **Tetapan keselamatan** > **Kuki**. Pilih **Membenarkan** or **Menolak** untuk membenarkan atau menghalang telefon daripada menerima kuki.

Jika anda telah cuba mengakses atau telah mengakses maklumat sulit yang memerlukan kata laluan, kosongkan cache selepas setiap kali digunakan. Untuk mengosongkan cache, dalam mod siap sedia, pilih **Menu** > **Web** > **Kosongkan cache**.

Peti masuk khidmat (perkhidmatan rangkaian)

Telefon ini boleh menerima mesej perkhidmatan (mesej 'pushed') yang dihantar oleh pembekal perkhidmatan anda. Untuk membaca mesej perkhidmatan ini, pilih **Tunjuk**. Jika anda

pilih **Keluar** mesej tersebut dipindahkan ke *Peti masuk Khid.*
Pilih **Menu** > *Web* > *Tetapan* > *Tetapan peti masuk Khidmat* > *Mesej perkhidmatan* > *Aktif* (atau *Tak aktif*) untuk menetapkan telefon untuk menerima (atau tidak menerima) mesej perkhidmatan.

Keselamatan penyemak imbas

Ciri-ciri keselamatan mungkin diperlukan untuk sesetengah perkhidmatan, seperti perkhidmatan perbankan atau membeli-belah dalam talian. Untuk sambungan seumpama ini anda perlukan sijil keselamatan dan mungkin juga modul keselamatan, yang mungkin tersedia pada kad SIM anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

■ Perkhidmatan SIM

Kad SIM anda mungkin menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan. Untuk mendapatkan maklumat, hubungi pembekal perkhidmatan anda.



6. Maklumat bateri

■ Mengecas dan menyahcas

Peranti anda mendapat kuasa dari bateri yang boleh dicas semula. Prestasi penuh bateri baru dapat dicapai hanya selepas dua atau tiga kitaran mengecas dan menyahcas yang lengkap. Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali, tetapi lama kelamaan ia akan haus. Apabila masa bual dan masa siap sedia nyata lebih pendek dari biasa, gantikanlah bateri. Gunakan hanya bateri yang diluluskan oleh Nokia, dan cas semula bateri anda hanya dengan pengecas yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini.

Jika bateri gantian digunakan buat kali pertama atau jika bateri tidak digunakan untuk suatu tempoh yang lama, ia mungkin perlu untuk menyambung pengecas kemudian mencabut dan menyambungkannya semula untuk mula mengecaskan bateri.

Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti ini apabila tidak digunakan. Jangan biarkan bateri yang telah dicas penuh tersambung kepada pengecas, kerana pengecasan berlebihan boleh memendekkan hayatnya. Jika dibiarkan tanpa digunakan bateri yang dicas penuh lama kelamaan akan menyahcas dengan sendirinya.

Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Gunakan bateri hanya untuk tujuan kegunaannya. Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pengecas atau bateri yang rosak.

Jangan melitar-pintas bateri. Melintar-pintas secara tidak sengaja boleh berlaku apabila objek logam seperti duit syiling, klip, atau pen menyebabkan sambungan langsung terminal positif (+) dan negatif (-) bateri. (Ini kelihatan seperti jalur-jalur logam pada bateri.) Ini mungkin berlaku, contohnya, apabila anda membawa bateri ganti di dalam saku atau beg tangan anda. Melitar-pintas terminal boleh merosakkan bateri atau objek yang menyambungkan.

Membiarkan bateri di tempat panas atau sejuk, seperti di dalam kereta yang tertutup dalam keadaan musim panas atau musim sejuk, akan mengurangkan muatan dan hayat bateri dan keupayaannya mengecas. Sentiasa cuba pastikan bateri berada pada suhu antara 15°C dan 25°C (59°F dan 77°F). Peranti dengan bateri yang panas atau sejuk mungkin tidak berfungsi buat sementara waktu, walaupun baterinya telah dicas sepenuhnya. Prestasi bateri terhad terutamanya dalam suhu yang jauh di bawah beku.

Jangan buang bateri ke dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri boleh juga meletup jika rosak. Buang bateri menurut peraturan tempatan. Harap kitar semula jika boleh. Jangan buang sebagai sisa rumah.

■ **Garis panduan pengesahan bateri Nokia**

Sentiasa gunakan bateri-bateri asli Nokia untuk keselamatan anda. Untuk memeriksa bagi memastikan anda telah mendapat bateri asli Nokia, belilah ia daripada wakil penjual Nokia yang berdaftar, cari logo Tambahan Asli Nokia pada bungkusan dan periksa label hologram menggunakan langkah-langkah berikut:

Menyelesaikan keempat-empat langkah itu bukanlah jaminan mutlak ketulenan bateri. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa bateri anda bukanlah bateri asli Nokia yang tulen, jangan gunakannya, dan bawa ia ke pusat servis atau wakil penjual Nokia berdaftar yang terdekat dengan anda untuk mendapatkan bantuan. Pusat servis atau wakil penjual Nokia anda yang berdaftar akan memeriksa bateri itu bagi memastikan ketulenannya. Jika ketulenannya tidak dapat ditentusahkan, kembalikan bateri itu ke tempat pembelian.

Hologram tulen



1. Apabila anda melihat hologram pada label, anda seharusnya melihat simbol tangan berjalinan Nokia dari satu sudut dan logo Tambahan Asli Nokia apabila dilihat dari sudut lain..



2. Apabila anda menyerongkan hologram ke kiri, kanan, bawah, dan atas, anda seharusnya melihat 1, 2, 3, dan 4 bintang masing-masing di setiap sisi.



3. Goreskan sisi label untuk menunjukkan kod 20-angka, misalnya, 12345678919876543210. Pusingkan bateri supaya nombor-nombor itu menghadap ke atas. Kod 20-angka itu dibaca bermula dari nombor di baris atas diikuti oleh baris bawah.



4. Sahkan bahawa kod 20-angka itu sah dengan mengikut arahan di www.nokiaoriginals.com/check.

Untuk membuat mesej teks masukkan kod 20-angka, misalnya, 12345678919876543210, dan hantar ke +44 7786 200276.

Untuk membuat mesej teks,

- Bagi negara di Asia Pasifik, tidak termasuk India: Masukkan kod 20-angka, misalnya, 12345678919876543210, dan hantar ke +61 427151515.
- Untuk India sahaja: Masukkan *Battery* diikuti oleh kod bateri 20-angka, misalnya, Battery 12345678919876543210, dan hantar ke 5555.

Bayaran operator negara atau antarabangsa akan dikenakan.

Anda seharusnya menerima mesej yang menunjukkan sama ada kod itu boleh disahkan ketulenannya.

Jika anda perlukan bantuan mengesahkan kod bateri, hubungi Pusat Jagaan Nokia setempat anda yang tersenarai di www.nokia-asia.com/carecentrelocator.

Bagaimana kalau baterai anda tidak tulen?

Jika anda tidak boleh mengesahkan bahawa baterai Nokia anda dengan hologram pada labelnya adalah baterai Nokia tulen, jangan gunakan baterai tersebut. Bawa ia ke pusat servis atau penjual Nokia yang berdaftar yang terdekat untuk mendapatkan bantuan. Penggunaan baterai yang tidak diluluskan oleh pembuat mungkin merbahaya dan mungkin menghasilkan prestasi yang lemah dan merosakkan peranti anda dan tambahan-tambahannya. Ia mungkin juga mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti untuk peranti ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai baterai Nokia asli, kunjungi www.nokiaoriginals.com/battery.

7. Tambahan Tulen

Berbagai-bagai jenis tambahan baru terdapat untuk telefon anda. Pilih tambahan yang menampung keperluan komunikasi anda yang khusus.



Beberapa tambahan diperihalkan dengan terperinci di bawah.

Untuk mengetahui sama ada sesuatu tambahan terdapat ataupun tidak, sila tanya wakil penjual setempat anda.

Beberapa peraturan praktis mengenai aksesori dan penambahan:

- Jauhkan semua aksesori dan tambahan dari kanak-kanak kecil.
- Apabila mencabut kord kuasa sebarang aksesori atau tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.
- Periksa secara tetap bagi memastikan bahawa sebarang penambahan yang dipasang pada kenderaan telah dipasang dan beroperasi dengan betul.
- Pemasangan sebarang tambahan kereta yang kompleks mesti dibuat oleh kakitangan berkelayakan sahaja.

Gunakan hanya bateri, pengecas dan tambahan yang diluluskan oleh pembuat telefon. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang diberi untuk telefon ini, dan mungkin merbahaya.


■ Kuasa

Jenis	Tek	Masa bual *	Masa siap sedia*
BL-5C	Li-ion	Sehingga 3 jam	Sehingga 300 jam

* Perbezaan dalam masa operasi mungkin berlaku bergantung kepada kad SIM, tetapan rangkaian dan penggunaan, gaya penggunaan dan persekitaran. Penggunaan radio FM dan bebas tangan bersepadu akan mempengaruhi masa bual dan siap sedia.

Pengecas Biasa (ACP-7)


Pengecas ACP-7 yang kecil, ringan dan tahan lama menyediakan anda cara yang mudah dan menyenangkan untuk mengecas telefon. Ia mudah disambungkan kepada telefon atau pesawat atas meja.



Nota: Jenis palam berbeza-beza mengikut pasaran yang berlainan.

Pengecas Kembara (ACP-12)

Pengecas kembara kecil dan ringan dengan berbilang voltan Teknologi penukar (100 - 240V). Menyediakan cara yang mudah dan menyenangkan untuk mengecas telefon.



Nota: Jenis palam berbeza-beza mengikut pasaran yang berlainan.

Pengecas Mudah Alih Nokia LCH-12

Pengecas bebilang voltan ini boldh dipasang ke dalam pemetik api dan mengecas bateri telefon anda.

■ Audio

Alat Dengar Dual Nokia HS-7

Pengendalian bebas tangan yang selesa dengan butang kawalan jauh untuk menjawab dan menamatkan panggilan membuat alat dengar ini mudah digunakan.

Penjagaan dan penyelenggaraan

Peranti anda adalah produk hasil reka bentuk dan ketukangan unggul dan patut dijaga dengan baik. Cadangan-cadangan yang di bawah akan membantu anda melindungi perlindungan jaminan anda.

- Pastikan peranti ini sentiasa kering. Pemendakan, kelembapan dan semua jenis cecair atau lembapan boleh mengandungi mineral-mineral yang akan mengakis litar elektronik. Jika peranti anda menjadi basah, keluarkan baterinya dan biarkan peranti ini benar-benar kering sebelum memasangnya semula.
- Jangan gunakan atau simpan peranti ini di tempat yang berhabuk dan kotor. Bahagian-bahagian bergerak dan komponen-komponen elektrik di dalamnya boleh menjadi rosak.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang panas. Suhu tinggi boleh memendekkan hayat peranti elektronik, merosakkan bateri, dan meledingkan atau mencairkan plastik tertentu.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang sejuk. Apabila peranti ini kembali kepada suhu normalnya, lembapan boleh terbentuk di dalam peranti ini, dan merosakkan papan litar elektroniknya.

Penjagaan dan penyelenggaraan

- Jangan cuba membuka peranti ini dengan cara yang lain daripada yang diarahkan di dalam panduan ini.
- Jangan jatuhkan, ketuk atau goncang peranti ini. Pengendalian yang kasar boleh memecahkan papan litar dalaman dan mekanisme halus.
- Jangan gunakan kimia, pelarut pembersihan, atau bahan cuci yang keras untuk membersihkan peranti ini.
- Jangan cat peranti ini. Cat boleh menyebabkan bahagian-bahagian yang boleh digerakkan menjadi tersendat dan menghalang operasi sempurna.
- Gunakan hanya antena ganti yang dibekalkan atau diluluskan. Antena, pengubahsuaian atau pemasangan yang tidak dibenarkan boleh merosakkan peranti ini dan mungkin melanggar peraturan yang berkuatkuasa bagi peranti radio.
- Gunakan pengecas di dalam bangunan.
- Sentiasa buat sandaran bagi data yang ingin anda simpan (seperti kenalan dan nota kalendar) sebelum menghantar peranti anda ke kemudahan servis.

Semua cadangan yang di atas sama berkaitan dengan peranti anda, bateri, pengecas atau sebarang tambahan. Jika sebarang peranti tidak berfungsi dengan betul, bawa ia ke kemudahan servis berdaftar yang terdekat untuk servis.

Maklumat keselamatan tambahan

Peranti anda dan tambahan-tambahannya mungkin mengandungi bahagian-bahagian kecil. Jauhkan ia dari kanak-kanak kecil.

■ Persekitaran beroperasi

Ingatlah supaya mematuhi sebarang peraturan khas yang berkuatkuasa di mana sahaja, dan sentiasa matikan peranti anda di mana penggunaannya dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya. Gunakan peranti ini dalam kedudukan operasinya yang biasa sahaja. Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan dalam kedudukan biasa pada telinga atau apabila diletakkan sekurang-kurangnya 2.2 cm (7/8 Inchi) jauhnya dari badan. Apabila sarung pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan bagi operasi pakai pada-badan, ia tidak seharusnya mengandungi logam dan harus meletakkan peranti sejauh jarak yang disebut di-atas dari badan.

Untuk menghantar fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan berkualiti baik kepada rangkaian. Dalam sesetengah keadaan, penghantaran fail data atau mesej boleh ditunda sehingga sambungan seperti ini tersedia. Pastikan arahan jarak pemisahan dipatuhi sehingga penghantaran tersebut selesai.

Sebahagian daripada peranti bermagnet. Bahan-bahan logam boleh tertarik pada peranti ini. Jangan letak kad kredit atau media simpanan bermagnet yang lain dekat dengan peranti, kerana maklumat yang disimpan di dalamnya mungkin terpadam.

■ **Alat perubatan**

Operasi sebarang peralatan pemancar radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi alat-alat perubatan yang tidak dilindungi secukupnya. Anda harus berjumpa dengan pakar perubatan atau pengilang alat perubatan tersebut untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada tenaga RF luaran atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan. Matikan peranti ini di kemudahan jagaan kesihatan apabila diarahkan berbuat demikian oleh peraturan yang ditampalkan di tempat-tempat ini. Hospital atau kemudahan jagaan kesihatan mungkin menggunakan peralatan yang peka terhadap tenaga RF luaran.

Perentak jantung

Pengilang perentak jantung menyarankan agar memisahkan telefon wayarles pegang tangan dengan perentak jantung pada jarak pemisahan minimum 15.3 sentimeter. (6 inci) bagi mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku kepada perentak jantung. Saranan-saranan ini adalah selaras dengan penyelidikan bebas oleh dan saranan-saranan daripada Penyelidikan Teknologi Wayarles. Mereka yang menggunakan perentak jantung harus:

- Sentiasa pastikan peranti berada lebih daripada 15.3 sentimeter (6 inci) dari perentak jantung
- Tidak membawa peranti ini di dalam saku dadanya
- Pegang peranti ini pada telinga yang bertentangan dengan perentak jantung untuk mengurangkan gangguan yang mungkin berlaku.

Jika anda mengesyaki terdapat gangguan, matikan peranti anda dan jauhkan peranti.

Alat bantuan pendengaran

Sesetengah peranti wayarles digital boleh mengganggu sesetengah alat bantuan pendengaran. Jika gangguan berlaku, hubungi pembekal khidmat anda.

■ Kenderaan

Isyarat RF boleh menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasang dengan betul atau tidak dilindungi secukupnya di dalam kenderaan bermotor seperti sistem pancitan bahan bakar elektronik, sistem brek anti-kelincir (anti-kunci) elektronik, sistem kawalan kelajuan elektronik, sistem beg udara. Untuk maklumat lanjut, semak dengan pengilang kenderaan anda atau wakilnya atau sebarang peralatan yang telah ditambahkan.

Hanya kakitangan yang berkelayakan harus memperbaiki peranti ini, atau memasang peranti ini di dalam kenderaan. Pemasangan atau servis yang tidak betul membahayakan dan boleh mentaksahkan sebarang waranti yang mungkin diberikan bagi peranti ini. Periksa dari masa ke masa dengan tetap semua peralatan peranti wayarles di dalam kenderaan anda bagi memastikan ia dipasang dan beroperasi dengan betul. Jangan simpan atau bawa cecair mudah terbakar, gas, atau bahan mudah meletup di dalam tempat yang sama dengan peranti ini, bahagian-bahagiannya atau tambahan-tambahannya. Untuk kenderaan yang dilengkapi beg udara, anda harus ingat bahawa beg udara mengembang dengan daya yang amat kuat. Jangan letakkan barang-barang, termasuk peralatan wayarles baik yang terpasang mahupun yang mudah dialih di tempat di atas beg udara atau di tempat pelancaran beg udara. Jika peralatan wayarles di dalam-kenderaan tidak dipasang dengan betul dan beg udara mengembang, kecederaan serius boleh berlaku.

Menggunakan peranti anda semasa terbang di dalam pesawat adalah dilarang. Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Penggunaan peranti telefon wayarles di dalam pesawat boleh membahayakan pengendalian pesawat, mengganggu rangkaian telefon wayarles, dan mungkin menyalahi undang-undang.

■ Persekitaran di mana letupan boleh berlaku

Matikan peranti anda apabila berada di kawasan di mana letupan boleh berlaku dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Persekitaran di mana letupan boleh berlaku termasuk tempat-tempat di mana anda biasanya dinasihatkan supaya mematikan enjin kenderaan anda. Percikan api di kawasan-kawasan seperti itu boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang mengakibatkan kecederaan pada badan ataupun kematian. Matikan peranti ini di tempat-tempat mengisi bahan bakar seperti berdekatan dengan pam gas di stesen minyak. Patuhi sekatan-sekatan terhadap penggunaan peralatan radio di depo, tempat-tempat penyimpanan dan pengedaran bahan bakar, loji kimia atau tempat operasi peletupan sedang berjalan. Kawasan-kawasan di mana letupan boleh berlaku sering tetapi tidak semestinya ditandakan dengan jelas. Ia termasuk di bawah dek di dalam bot, kemudahan memindah atau menyimpan bahan kimia, kenderaan yang menggunakan gas petroleum cecair

(seperti propana dan butana), dan tempat-tempat di mana udaranya mengandungi bahan kimia atau zarah seperti butir, habuk atau serbuk logam.

■ Panggilan kecemasan



Penting: Telefon wayarles, termasuk peranti ini, beroperasi menggunakan isyarat radio, rangkaian wayarles, rangkaian talian darat, dan fungsi-fungsi yang diprogram-pengguna. Oleh kerana itu, sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata kepada sebarang peranti wayarles untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Untuk membuat panggilan kecemasan:

1. Jika peranti ini belum dihidupkan, hidupkan ia. Periksa untuk memastikan kekuatan isyarat yang mencukupi.
Sesetengah rangkaian mungkin memerlukan kad SIM yang sah dimasukkan dengan betul ke dalam peranti.
2. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan menyediakan peranti ini untuk panggilan.

3. Masukkan nombor kecemasan rasmi bagi lokasi semasa anda. Nombor-nombor kecemasan berbeza mengikut lokasi.
4. Tekan kekunci panggil.

Jika ciri-ciri tertentu sedang digunakan, anda mungkin perlu menyahaktifkan ciri-ciri tersebut dahulu sebelum anda boleh membuat panggilan kecemasan. Jika peranti ini berada dalam mod luar talian atau penerbangan, anda mestilah menukar profil untuk mengaktifkan fungsi telefon sebelum anda membuat panggilan kecemasan. Lihat panduan ini atau hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Apabila membuat panggilan kecemasan, berikan semua maklumat yang perlu seberapa tepat yang mungkin. Peranti wayarles anda mungkin satu-satunya alat komunikasi di tempat kemalangan itu. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

■ Maklumat pensijilan (SAR)

PERANTI INI MEMENUHI GARIS PANDUAN ANTARABANGSA BAGI PENDEDAHAN KEPADA GELOMBANG RADIO

Peranti bimbit anda adalah sebuah pemancar dan penerima radio. Ia direka bentuk dan dibuat supaya tidak melebihi had untuk pendedahan kepada frekuensi radio (RF) yang disarankan oleh garis panduan antarabangsa (ICNIRP). Had-had ini adalah sebahagian daripada garis panduan komprehensif dan menetapkan tahap tenaga RF yang dibenarkan untuk penduduk umum. Garis panduan ini telah dihasilkan oleh pertubuhan-pertubuhan saintifik bebas menerusi penilaian kajian saintifik yang berkala dan teliti. Garis panduan ini termasuk margin keselamatan yang luas yang bertujuan memastikan keselamatan semua orang, tanpa mengira usia dan kesihatan.

Piawai pendedahan bagi peranti-peranti bimbit menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate), atau SAR. Had SAR yang dinyatakan dalam garis panduan antarabangsa adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg)*. Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan beroperasi biasa dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Walaupun SAR ditentukan pada aras kuasa yang disahkan tertinggi, SAR sebenar peranti semasa beroperasi boleh

menjadi jauh di bawah nilai maksimum. Ini adalah kerana peranti ini direka bentuk untuk beroperasi pada aras kuasa berbilang supaya menggunakan hanya kuasa yang diperlukan bagi mencapai rangkaian. Secara umum, lebih dekat anda berada dengan stesen induk, lebih rendah output kuasa peranti. Nilai SAR tertinggi bagi peranti apabila diuji untuk digunakan pada telinga ialah 0.56 w/kg.

Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan pengujian dan jalur rangkaian. Penggunaan aksesori dan tambahan peranti boleh menghasilkan nilai-nilai SAR yang berbeza-beza. Maklumat SAR tambahan boleh diberikan di bawah maklumat produk di www.nokia-asia.com.

* Had SAR bagi peranti bimbit yang digunakan oleh orang awam ialah 2.0 W/kg dipuratakan pada 10 gram tisu badan. Garis panduan ini menggabungkan margin keselamatan yang luas untuk memberi perlindungan tambahan kepada orang ramai dan untuk mengambil kira sebarang kelainan dalam pengukuran. Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan jalur rangkaian. Untuk maklumat SAR di kawasan-kawasan lain, sila lihat di bawah maklumat produk di www.nokia.com.

Indeks

A

Alat Dengar Dual
Nokia HS-7 48
Alat perubatan 52
 Alat bantuan
 pendengaran 53
 Perentak jantung 53
Aplikasi 32
Audio 48

B

Bateri 45
bateri
 maklumat 38
 mengecas 38
 menyahcas 38

F

Fungsi menu 12
Fungsi-fungsi panggilan 9

G

Galeri 28
Garis panduan pengesahan
bateri Nokia 40

K

Kedudukan beroperasi biasa 4
Kekunci dan
bahagian-bahagian 5
Kenalan 19
Kenderaan 54
khidmat pelanggan xi
Kod akses x
Kunci pad kekunci 7

L

Log 20

M

Maklumat am x
Maklumat bateri
 jenis 45

Maklumat hubungan Nokia xi
maklumat kenalan xi
Maklumat keselamatan
tambahan 51
Maklumat pensijilan (SAR) 58
Maklumat sokongan dan
hubungan Nokia xi
Media 28
Memasukkan kad SIM dan
bateri 1
Membuat dan menjawab
panggilan 9
Memulakan 1
Mengecas bateri 3
Menu operator 27
Menulis teks 10
Mesej 12
 Aplikasi e-mel 17
 Mesej audio 16
 Mesej kilat (perkhidmatan
 rangkaian) 15
 Mesej multimedia
 (MMS) (perkhidmatan
 rangkaian) 14
 Mesej suara 17
 Mesej teks (rangkaian
 perkhidmatan) 13
 Tetapan untuk mesej teks
 dan multimedia 12

mesej
 mesej audio 16
mesej audio 16
Mod demo 7
Mod siap sedia 6

P

Panggilan kecemasan 56
Pembesar suara 9
Pengatur 29
 Jam penggera dan
 kalendar 29
 Kalkulator 31
Pengecas Biasa (ACP-7) 46
Pengecas Kembara
(ACP-12) 47
Penjagaan dan
penyelenggaraan 49
Perihal peranti anda viii
perkhidmatan pembaikan xi
perkhidmatan
penyelenggaraan xi
Perkhidmatan rangkaian viii
Perkhidmatan SIM 37
Persekitaran beroperasi 51
Persekitaran di mana letupan
boleh berlaku 55

S

sokongan xi
Sokongan Nokia xi

T

Tambahan Tulen 44
Telefon anda 5
Tetapan 22
 Kesambungan -
 sambungan GPRS 25
 Pintasan saya 23
 Tetapan nada 22
 Tetapan panggilan dan
 telefon 23
 Tetapan paparan, tarikh
 dan masa 24
 Tetapan tambahan 26
 Tetapan tatarajah 26

U

Untuk keselamatan anda v

W

Web 33
 Keselamatan penyemak
 imbas 37
 Kuki dan memory cache 36
 Peti masuk khidmat
 (perkhidmatan
 rangkaian) 36
 Sambungan perkhidmatan
 dan menyemak imbas
 halaman perkhidmatan 33
 Tetapan kemunculan
 penyemak imbas 35